

08/06/1999

PPP mahu kerajaan tambah wakil wanita

KUALA LUMPUR, Isnin - Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), sebuah daripada komponen Barisan Nasional, mahu kerajaan menambah wakil wanita dalam kerajaan tempatan dan pusat kepada 30 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Resolusi berhubung perkara itu, yang diluluskan pada perhimpunan agung tahunan ke-46 parti itu di sini hari ini, mahukan penambahan wakil wanita itu bagi memperjuangkan hak-hak wanita dengan lebih berkesan.

Naib Ketua Pergerakan Wanita PPP Dr P Vasantha ketika membentangkan resolusi itu, berkata wanita merupakan 52 peratus daripada keseluruhan pengundi berdaftar.

"Terdapat ramai ibu tunggal, isteri yang kematian suami dan terpaksa menanggung anak. Kes-kes sivil yang tidak memihak kepada kaum wanita seperti kes penceraian dan penderaan juga banyak," katanya.

Perhimpunan itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perhimpunan itu yang dihadiri lebih 3,000 anggota perwakilan dan pemerhati juga meluluskan usul menyokong kepemimpinan Dr Mahathir dan timbalan beliau, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

PPP juga meminta kerajaan melaksanakan skim pemilikan perumahan di semua ladang atau memberi keutamaan kepada pekerja ladang memiliki rumah kos rendah di skim perumahan berhampiran ladang mereka.

Ia juga berharap kerajaan akan menubuhkan satu jawatankuasa tindakan di Kementerian Sumber Manusia untuk mengkaji gaji bulanan pekerja ladang dan menggubal satu rang undang-undang berkaitan soal itu.

(END)